

Duta kecil keselamatan jalan raya

 hmetro.com.my/mutakhir/2019/05/454354/duta-kecil-keselamatan-jalan-roya

Rizanizam Abdul Hamid



Mohamad Sazali (tengah) memakaikan topi keledar kepada Muhammad Aiman Wahid di SMKBB semalam. FOTO Rosela Ismail

PELAJAR sekolah yang memiliki lesen kenderaan boleh menjadi duta kecil keselamatan jalan raya di sekolah untuk membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Kebajikan Wilayahku Ceria Datuk Mohamad Sazali Kamilan berkata, usaha itu, walaupun mungkin dianggap kecil ia memberi impak besar selain peranan keluarga, kerajaan dan komuniti setempat.

“Seperti di Parlimen Lembah Pantai ada tujuh sekolah menengah kebangsaan (SMK) dengan jumlah 5,015 pelajar, tetapi hanya 70 daripada mereka mempunyai lesen motosikal.

“Apa yang dapat kita lihat, ramai menunggang motosikal dan selebihnya mungkin mereka tiada lesen,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya, Sifar Kemalangan “MyCommunity @Jaga-Jaga!” di SMK Bukit Bandaraya (SMKBB), Jalan Maarof, Bangsar semalam.

Hadir sama, Pengetua SMKBB A Selva Kumar.

Pada kempen itu, 10 pelajar SMKBB yang memiliki lesen motosikal menerima sumbangan topi keledar dan jaket pantulan cahaya.

Mengulas lanjut, Mohamad Sazali berkata, kempen itu adalah susulan daripada perasmian Program “MyCommunity @Jaga-Jaga!” Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya kepada Pelajar Sekolah Menengah di Kawasan Parlimen Lembah Pantai yang dirasmikan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil pada 3 Mei lalu.

“Program kempen ini akan diadakan selama sebulan dan sasaran adalah pelajar sekolah, ibu bapa serta komuniti setempat untuk bersama-sama membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

“Kita harap, pelajar sekolah yang sudah memiliki lesen kenderaan dapat menubuhkan kelab untuk mengajak lebih ramai rakan mencontohi mereka.

“Selepas itu, mungkin kerajaan atau pihak sekolah boleh mewujudkan Kadet Keselamatan Jalan Raya sebagai sukatan kokurikulum,” katanya.

Disiarkan pada: Mei 10, 2019 @ 5:55pm

Video